

D.R. 45/2006

RANG UNDANG-UNDANG

b e r n a m a

Suatu Akta untuk meminda Akta Pendaftaran Jurutera 1967.

[]

DIPERBUAT oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa

1.(1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Pendaftaran Jurutera (Pindaan) 2006.

(2) Akta ini mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

Pindaan seksyen 2

2. Akta Pendaftaran Jurutera 1967 [*Akta 138*], yang disebut "Akta ibu" dalam Akta ini, dipinda dalam seksyen 2 dengan memasukkan selepas takrif "Graduate Engineer" takrif yang berikut:

' "Minister" means the Minister for the time being charged with the responsibility for matters relating to works;'

Pindaan seksyen 3

3. Perenggan 3(3)(c) Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan "employee's" dengan perkataan "employees,".

Pindaan seksyen 4**4. Subseksyen 4(1) Akta ibu dipinda—**

- (a) dalam perenggan (*ec*), dengan memasukkan selepas perkataan "programmes" perkataan ", including continuing professional development programmes,";
- (b) dalam perenggan (*ed*), dengan menggantikan perkataan "accredited" dengan perkataan "recognized"; dan
- (c) dengan memasukkan selepas perenggan (*ee*) perenggan yang berikut:

"*ef*) to appoint a body consisting of members from the Board, Professional Engineers and other persons as may be determined by the Board to advise the Government and the public on matters relating to engineering education, including the certification of such programmes;"

Pindaan seksyen 6**5. Seksyen 6 Akta ibu dipinda—**

- (a) dalam subseksyen (1), dengan memasukkan selepas perkataan "orders of the Board" perkataan "or Disciplinary Committee";
- (b) dalam subperenggan (2)(a)(i), dengan menggantikan perkataan "Board" dengan perkataan "Disciplinary Committee";
- (c) dalam perenggan (2A)(c1), dengan memasukkan selepas perkataan "order of the Board" perkataan "or Disciplinary Committee"; dan
- (d) dalam perenggan (2A)(b), dengan memasukkan selepas perkataan "order of the Board" perkataan "or Disciplinary Committee".

Pindaan seksyen 7A**6. Seksyen 7A Akta ibu dipinda—**

- (a) dalam subperenggan (3)fcJ(iii), dengan menggantikan koma bernoktah di hujung subperenggan itu dengan noktah;

- (b) dalam subseksyen (5) —
- (i) dalam subperenggan (d)(ii), dengan menggantikan perkataan "except paragraphs (e) and (/)" dengan perkataan "(except paragraphs (e) and (/))";
 - (ii) dalam perenggan (bb), dengan menggantikan perkataan "ten" dengan perkataan "fifty"; dan
 - (iii) dalam perenggan (cc), dengan menggantikan perkataan "one year" dengan perkataan "two years";
- (c) dalam subperenggan (6)(a)(ii), dengan menggantikan perkataan "share-holder" dengan perkataan "shareholder"; dan
- (d) dalam perenggan (6)(aa), dengan menggantikan perkataan "if the Board has" dengan perkataan "if the Disciplinary Committee has".

Pindaan seksyen 10

7. Subseksyen 10(5) Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan "Board" dengan perkataan "Disciplinary Committee".

Pindaan seksyen 10A

8. Subseksyen 10A(4) Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan "twenty one" dengan perkataan "twenty-one".

Bahagian baru IIIA

9. Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 14 bahagian yang berikut:

"PART IIIA

DISCIPLINARY COMMITTEE

Establishment of Disciplinary Committee

- 14A.** The Board shall appoint a Disciplinary Committee which shall consist of the following members:

- (a) a Chairman; and

(b) two other members,

who have been registered as Professional Engineers for not less than seven years.

Powers of Disciplinary Committee

14B. The Disciplinary Committee —

- (a) shall conduct hearings of any misconduct or complaint against any registered Engineer referred to it by the Investigating Committee;
- (b) may make any or any combination of the orders specified in section 15 against a registered Engineer under such circumstances as set out in that section.

Proceedings of the Disciplinary Committee

14c. (1) Where a member of the Board has been appointed as a member of the Disciplinary Committee in pursuance of section 14A to conduct a hearing of any misconduct or complaint against a registered Engineer, that member of the Disciplinary Committee shall not sit as a member of the Board when the Board conducts a hearing or makes an order under subsection 7A(5) against an Engineering consultancy practice of which the registered Engineer is its sole proprietor, partner, director, shareholder or employee.

(2) Subject to the provisions of this Act, the Disciplinary Committee may regulate its own procedures in such manner as it deems fit."

Pindaan seksyen 15

10. Seksyen 15 Akta ibu dipinda—

- (a) dalam subseksyen (1), dengan menggantikan perkataan "Board" dengan perkataan "Disciplinary Committee";
- (b) dalam perenggan (1)(a), dengan menggantikan perkataan "involving fraud or" dengan perkataan ", including offences involving false or negligent certification, fraud,";
- (c) dalam perenggan (1)(b), dengan menggantikan perkataan "Board" dengan perkataan "Disciplinary Committee";

- (d) dalam perenggan (l)(g), dengan menggantikan perkataan "Board" dengan perkataan "Disciplinary Committee";
- (e) dalam perenggan (l)(i), dengan menggantikan perkataan "Board" di mana-mana jua terdapat dengan perkataan "Disciplinary Committee";
- (f) dalam perenggan (IA)(b), dengan menggantikan perkataan "five" dengan perkataan "fifty";
- (g) dalam perenggan (IA)(C), dengan menggantikan perkataan "one year" dengan perkataan "two years";
- (h) dengan menggantikan subseksyen (2) dengan subseksyen yang berikut:

"(2) The Disciplinary Committee shall not make any order under subsection (1A), based upon any of the circumstances set out in paragraphs (l)(b) to (d), or paragraphs (l)(f) to (o), unless an opportunity of being heard either personally or by a person appointed by the registered Engineer has been given to the registered Engineer against whom the Disciplinary Committee intends to make the order,";

- (i) dalam subseksyen (3) —

- (i) dengan memasukkan selepas perkataan "The" perkataan "Disciplinary Committee or"; dan

- (ii) dengan memasukkan selepas perkataan "Engineering -consultancy practice" perkataan ", respectively"; dan

- (j) dengan memasukkan selepas subseksyen (3) subseksyen yang berikut:

"(4) The Disciplinary Committee or Board, as the case may be, may upon the recommendation of the Investigating Committee suspend the registration of the registered Engineer or Engineering consultancy practice mentioned in subsection (3) for a further period of three months but not exceeding six months, if the Investigating Committee is unable to complete the investigation of such registered Engineer or Engineering consultancy practice within the period of suspension stipulated in subsection (3)."

Pindaan seksyen 17

11. Seksyen 17 Akta ibu dipinda—

- (a) dalam subseksyen (1) —
 - (i) dengan memasukkan selepas perkataan "order of the" perkataan "Disciplinary Committee or"; dan
 - (ii) dengan menggantikan perkataan "7A(5) or 15(1 A)" dengan perkataan "15(1A) or 7A(5), respectively";
- (b) dalam subseksyen (2), dengan memasukkan selepas perkataan "prescribed" perkataan "and satisfying such conditions as may be determined by the Board";
- (c) dalam subseksyen (2A), dengan memasukkan selepas perkataan "prescribed" perkataan "and satisfying such conditions as may be determined by the Board"; dan
- (d) dalam subseksyen (3) —
 - (i) dengan memasukkan selepas perkataan "to an order of the" perkataan "Disciplinary Committee or"; dan
 - (ii) dengan menggantikan perkataan "7A(5) or 15(1A)" dengan perkataan "15(1 A) or 7A(5), respectively,".

Pindaan seksyen 19

12. Seksyen 19 Akta ibu dipinda—

- (a) dalam perenggan (l)(c) —
 - (i) dengan memasukkan selepas perkataan "order made by the" perkataan "Disciplinary Committee or"; dan
 - (ii) dengan menggantikan perkataan "7A(5) or 15(1A)" dengan perkataan "15(1 A) or 7A(5), respectively";
- (b) dalam perenggan (l)(e) —
 - (i) dengan memasukkan selepas perkataan "order of the" perkataan "Disciplinary Committee or"; dan
 - (ii) dengan menggantikan perkataan "7A(5) or 15(1 A)"

dengan perkataan "15(1A) or 7A(5), respectively";
dan

- (c) dalam subseksyen (2), dengan memasukkan selepas perkataan "The" perkataan "Disciplinary Committee or".

Pindaan seksyen 22

13. Seksyen 22 Akta ibu dipinda—

- (a) dalam subseksyen (1) —
 - (i) dengan memasukkan selepas perkataan "the Board" perkataan "or Disciplinary Committee"; dan
 - (ii) dengan memasukkan selepas perkataan "President of the Board" perkataan "or Chairman of the Disciplinary Committee";
- (b) dengan menggantikan subseksyen (2) dengan subseksyen yang berikut:

"(2) On receipt of a copy of the notice of appeal, the President of the Board or the Chairman of the Disciplinary Committee or in the absence of the President or the Chairman, the member so delegated by the President or the Chairman, shall cause to be prepared and sent to the Chairman of the Appeal Board records or a summary of the records of the proceedings of the Board or the Disciplinary Committee and the statement setting out the grounds on which the Board or the Disciplinary Committee arrived at its decision.";
- (c) dalam subseksyen (3), dengan memasukkan selepas perkataan "the Board" perkataan "or Disciplinary Committee,"; dan
- (d) dalam subseksyen (4), dengan memasukkan selepas perkataan "the Board" perkataan "or Disciplinary Committee".

Pindaan seksyen 24

14. Seksyen 24 Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan "ten thousand ringgit in the case of an individual, or fifty thousand ringgit in the case of a sole proprietorship, partnership or body corporate," dengan perkataan "fifty thousand ringgit".

Pindaan seksyen 24B

15. Seksyen 24B Akta ibu dipinda—*(a)* dalam subseksyen (2) —

- (i) dengan menggantikan perkataan "the Chairman" di mana-mana jua terdapat dengan perkataan "a member";
- (ii) dengan memotong perkataan "or 15(1 A)";
- (iii) dengan memotong perkataan "registered Engineer who has, or"; dan
- (iv) dengan memotong koma yang terdapat sebaik selepas perkataan "which has";

(b) dengan memasukkan selepas subseksyen (2) subseksyen yang berikut:

"(2A) Where the Investigating Committee has conducted an investigation against a registered Engineer, the member of the Investigating Committee shall not sit as member of the Disciplinary Committee appointed in pursuance of section 14A to conduct a hearing of any misconduct or complaint or to make an order under subsection 15(1A) in respect of the registered Engineer who has been investigated by the Investigating Committee of which he is a member."; dan

(c) dalam subseksyen (4), dengan memasukkan selepas perkataan "Board" perkataan "or Disciplinary Committee".**Pindaan seksyen 25****16.** Seksyen 25 Akta ibu dipinda—

- (a)* dalam subseksyen (1), dengan menggantikan perkataan "two thousand ringgit" dengan perkataan "ten thousand ringgit or to imprisonment for a term not exceeding one year, or to both"; dan
- (b)* dalam subseksyen (3) —
 - (i) dengan memasukkan selepas perkataan "order of the" perkataan "Disciplinary Committee or"; dan
 - (ii) dengan menggantikan perkataan "7A(5) or 15(1 A)" dengan perkataan "15(1A) or 7A(5), respectively".

Pindaan seksyen 28

17. Subseksyen 28(1) Akta ibu dipinda—
- (a) dengan memasukkan selepas perkataan "against the Board," perkataan "Disciplinary Committee,"; dan
 - (b) dengan memasukkan selepas perkataan "members of the Board," perkataan "Disciplinary Committee,".

Pindaan Jadual Pertama

18. Subperenggan 2(5) Jadual Pertama dipinda dengan menggantikan perkataan "15" dengan perkataan "7 A, 7B".

Kecualian dan peralihan

19. Semua prosiding di bawah seksyen 7A dan 15 dan perkara yang berhubungan dengan prosiding sedemikian yang belum selesai di hadapan Lembaga, dan semua prosiding di bawah seksyen 24 dan 25 yang belum selesai, sebaik sebelum tarikh mula berkuat kuasanya Akta ini hendaklah, selepas tarikh mula berkuat kuasanya Akta ini, diteruskan seolah-olah Akta ibu tidak dipinda oleh Akta ini.

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda Akta Pendaftaran Jurutera 1967 ("Akta 138").

2. *Fasal 1* mengandungi tajuk ringkas dan peruntukan permulaan kuat kuasa Akta yang dicadangkan.

3. *Fasal 4* bertujuan untuk meminda seksyen 4 Akta 138 untuk memperuntukkan selanjutnya berkenaan dengan fungsi Lembaga. Dalam *fasal 4(l)(ef)* yang dicadangkan, Lembaga boleh melantik sesuatu badan untuk menasihat Kerajaan dan orang awam mengenai perkara-perkara yang berhubungan dengan pengajian kejuruteraan, termasuk pemerakuan program sedemikian.

4. *Fasal 6* bertujuan untuk meminda seksyen 7A Akta 138 dengan menambahkan hukuman yang boleh dikenakan oleh Lembaga terhadap ketuanpunyaan tunggal, perkongsian atau perbadanan pertubuhan yang menjalankan amalan sebagai Amalan Jurutera perunding yang gagal mematuhi peruntukan Akta ini.

5. *Fasal 9* bertujuan untuk memasukkan suatu Bahagian baru IIIA yang memperkatakan tentang penubuhan, kuasa dan penjalanan prosiding Jawatankuasa Tatatertib. Di bawah Bahagian baru IIIA, Jawatankuasa Tatatertib diberikan kuasa untuk menjalankan suatu pendengaran tentang apa-apa salah laku atau aduan yang dibuat terhadap mana-mana Jurutera berdaftar dan Jawatankuasa Tatatertib itu boleh membuat suatu perintah di bawah seksyen 15 terhadap Jurutera berdaftar itu. Subseksyen baru 14c telah dimasukkan untuk memastikan bahawa tiada apa-apa unsur prasangka wujud terhadap seorang Jurutera berdaftar atau suatu Amalan Jurutera perunding yang jurutera itu menjadi tuan punya tunggal, rakan kongsi, pengarah, pemegang syer atau pekerja, apabila pendengaran yang melibatkan apa-apa salah laku atau aduan terhadap Jurutera berdaftar itu sedang dijalankan. Subseksyen baru 14c memperuntukkan bahawa apabila seorang anggota Lembaga telah dilantik sebagai seorang anggota Jawatankuasa Tatatertib untuk menjalankan suatu pendengaran terhadap seorang Jurutera berdaftar, anggota Jawatankuasa Tatatertib itu tidak boleh menjadi seorang anggota Lembaga apabila ia menjalankan suatu pendengaran di bawah seksyen 7A terhadap Amalan Jurutera perunding yang jurutera itu menjadi tuan punya tunggal, rakan kongsi, pengarah, pemegang syer atau pekerja.
6. *Fasal 10* bertujuan untuk meminda seksyen 15 Akta 138 dengan menggantikan Lembaga dengan Jawatankuasa Tatatertib sebagai badan yang diberikan kuasa untuk membuat perintah terhadap seorang Jurutera berdaftar yang telah didapati salah di bawah mana-mana hal keadaan yang dinyatakan dalam perenggan (a) hingga (o) seksyen itu. Kesalahan-kesalahan yang dinyatakan dalam perenggan (a) diperluaskan dengan memasukkan kesalahan yang melibatkan pemerakuan palsu atau cuai oleh Jurutera berdaftar. Di bawah pindaan yang dicadangkan, Jawatankuasa Tatatertib boleh mengenakan perintah yang termasuk denda yang telah ditambahkan kepada lima puluh ribu ringgit dan tempoh penggantungan pendaftaran yang telah ditambahkan kepada dua tahun.
7. *Fasal II* bertujuan untuk meminda seksyen 17 Akta 138 dengan memperuntukkan selanjutnya bahawa Lembaga boleh mendaftarkan semula seorang Jurutera berdaftar, selain jurutera Siswazah, atau suatu Amalan Jurutera perunding yang gagal membaharui pendaftarannya, apabila membayar fi yang ditetapkan dan memenuhi syarat-syarat yang ditentukan oleh Lembaga.
8. *Fasal 14 dan 16* bertujuan untuk menambahkan hukuman yang boleh dikenakan masing-masing di bawah seksyen 24 dan 25 Akta. Seksyen 24 Akta dipinda dengan menambahkan denda bagi kesalahan yang dilakukan di bawah seksyen itu kepada lima puluh ribu ringgit, manakala hukuman am bagi kesalahan yang dilakukan di bawah subseksyen 25(1) Akta ditambahkan kepada sepuluh ribu ringgit atau pemenjaraan bagi tempoh tidak melebihi satu tahun, atau kedua-duanya.
9. *Fasal 19* mengandungi peruntukan kecualian dan peralihan.
10. Apa-apa pindaan yang tidak diperkatakan dengan khusus dalam Huraian ini merupakan pindaan berbangkit atau kecil.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan.

[PN(U²)2537]